

Pelajar pra universiti SMK Labuan timba ilmu di UMS

LABUAN: Seramai 143 pelajar pra universiti SMK Labuan mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) melalui program Aku Bakal Mahasiswa yang diadakan baru-baru ini.

Program tersebut sebagai landasan untuk memberikan pendedahan dan pengalaman yang sebenar kepada pelajar suasana pengajaran dan pembelajaran di kampus.

Pemilihan UMSKAL ialah untuk membuka minda pelajar bahawa Wilayah Persekutuan Labuan sendiri mempunyai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang boleh menjadi platform kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi.

Rombongan ini diketuai oleh Penolong Kanan Prauniversiti SMK Labuan, Saminan Sabtu bersama-sama 27 pensyarah.

Sejurus tiba, mereka mendengar taklimat pengenalan UMSKAL oleh Nor Atiqah Mustafa, pegawai daripada Sektor Pentadbiran dan Sumber

Manusia (SPSM).

Selepas itu diikuti oleh taklimat mengenai program yang ditawarkan di UMS khususnya UMSKAL dan persediaan memasuki universiti oleh Ketua Sektor Perkhidmatan Akademik, Juliana Affendy dan Penolong Pegawai Tadbir, Mohizam Mohamad.

Selain taklimat, mereka dibawa melihat kemudahan yang disediakan dan persekitaran kampus.

Menurut Saminan Sabtu, program ini juga diharapkan dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Beliau juga yakin menerusi program tersebut akan meningkatkan semangat pelajar untuk belajar ber-sungguh-sungguh sekaligus menimba ilmu ke menara gading.

Saminan yang mewakili Pengetua SMK Labuan, Ismail Abdullah mengucapkan terima kepada pengurusan UMSKAL yang memberikan komitmen dan kerjasama sepanjang program itu diadakan.



KENANGAN... Pelajar bergambar kenangan di hadapan Bangunan UMSKAL. Turut kelihatan Saminan (berdiri dua kanan) .

“Kerjasama pintar antara SMK Labuan dan UMSKAL diharapkan mampu melonjakkan kecemerlangan pendidikan tinggi di Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya.

Saminan menasihatkan pelajar

pra universiti terus belajar bersungguh-sungguh bukan sahaja untuk memasuki menara gading tetapi juga memperolehi pekerjaan yang baik untuk menyara keluarga.

Program diteruskan dengan

LDK yang dikendalikan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMSKAL dan perlawanan bola jaring dan bola tampar pada sebelah petang. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN**